



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


28 OGOS 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **2,834 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **140,361 kes**. Sebanyak 17 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu tujuh (7) kes di Kota Kinabalu, lima (5) kes di Tawau, dua (2) kes di Keningau serta masing-masing mencatatkan satu (1) kes di Kunak, Semporna dan Penampang. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 1,077 menjadikan jumlah kumulatif 107,589 orang. Seramai 5,007 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,457 orang di hospital, 3,486 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 53 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala 11 orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 227 orang dan 75 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon merah dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Jumlah kes positif COVID-19 Sabah pada hari ini ialah (2,834) kes iaitu penurunan sebanyak (-176) kes berbanding (3,010) kes yang dicatatkan semalam (27 Ogos 2021).
- b. Kes harian masih tinggi walaupun jumlah kes menurun di bawah paras (3,000) kes daripada (3,010) kes kepada (2,834) kes.
- c. Secara keseluruhan Saringan Bergejala ialah 27.45% atau (778) kes sementara Saringan Kontak Rapat menyumbang 61.79% atau (1,751) kes dan kes daripada Saringan Kluster cuma (51) kes. Daripada (2,834) kes hari ini, (2,544) adalah warganegara dan (290) adalah bukan warganegara. Kes hari ini juga termasuk (21) kes daripada OKT/tahanan.
- d. Daripada (2,834) kes baharu hari ini, (1,249) kes atau 44.1% adalah kes positif yang lewat didaftar antara 2 hingga 3 hari, (215) kes atau 7.6% adalah keputusan saringan yang didaftar lewat antara 4 hingga 5 hari dan (319) kes atau 11.3% adalah kes daftar lewat melebihi 5 hari.
- e. Sejumlah (2,753) atau 97.14% pesakit dengan pecahan sebanyak (760) kes daripada Kategori 1 dan sebanyak (1,993) kes daripada Kategori 2, (13) pesakit dalam Kategori 3, sembilan (9) pesakit dalam Kategori 4 dan lapan (8) pesakit dalam kategori 5. (51) kes masih dalam siasatan lanjut.
- f. Bagi bulan Ogos, 1,414,020 dos vaksin Pfizer, Sinovac dan CanSino telah pun diterima termasuk 515,150 dos yang sampai sepanjang minggu ini. Sejumlah 99,400 dos Pfizer lagi akan sampai dari Kuching dalam masa 2 hingga 3 hari.
- g. Setakat semalam (28 Ogos 2021) berdasarkan statistik PICK Negeri Sabah, bilangan penduduk layak divaksin yang telah divaksin 1 dos ialah sebanyak 56.68% dan bagi yang telah selesai 2 dos pula ialah sebanyak 36.39%, manakala jumlah keseluruhan penduduk dengan dos lengkap ialah sebanyak 36.47% dengan mengambil kira bahawa hanya 1 dos sahaja diperlukan sebagai dos lengkap bagi vaksin jenis Cansino. Jumlah penduduk Sabah layak divaksin ialah seramai (2,758,400) orang.

h. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (1,751) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	51	1.80%
2	Bergejala	778	27.45%
3	Kontak	1,751	61.79%
4	Bersasar	11	0.39%
5	Lain-lain	243	8.57%
JUMLAH		2,834	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (27 Ogos 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 27/08/2021	Catatan Kes 28/08/2021	Perbandingan
1	Pitas	37	74	37
2	Tenom	31	63	32
3	Kinabatangan	51	80	29
4	Papar	198	223	25
5	Kota Marudu	65	88	23
6	Kunak	15	28	13
7	Keningau	98	108	10
8	Penampang	390	396	6
9	Tuaran	175	181	6
10	Nabawan	33	34	1
11	Kalabakan	22	22	Kekal
12	Putatan	135	88	-47
13	Tawau	219	174	-45
14	Lahad Datu	146	105	-41
15	Tongod	43	11	-32
16	Beaufort	59	32	-27
17	Beluran	34	7	-27
18	Sipitang	45	23	-22
19	Telupid	74	53	-21
20	Kudat	45	25	-20
21	Ranau	60	41	-19
22	Kota Kinabalu	617	603	-14
23	Kota Belud	96	82	-14
24	Sandakan	284	271	-13
25	Tambunan	20	12	-8
26	Kuala Penyu	8	1	-7
27	Semporna	10	9	-1
JUMLAH		3,010	2,834	-176

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (14 Ogos - 27 Ogos)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	319	240	0	44	603	7823
Penampang	0	265	100	0	31	396	3990
Sandakan	3	91	82	11	84	271	3057
Papar	0	142	78	0	3	223	2049
Tuaran	0	157	16	0	8	181	2906
Tawau	0	96	61	0	17	174	3155
Keningau	0	85	21	0	2	108	1502
Lahad Datu	3	49	48	0	5	105	1374
Putatan	0	55	27	0	6	88	1141
Kota Marudu	0	80	4	0	4	88	726
Kota Belud	0	52	23	0	7	82	1041
Kinabatangan	42	32	6	0	0	80	1153
Pitas	0	53	5	0	16	74	369
Tenom	0	48	12	0	3	63	484
Telupid	0	45	5	0	3	53	559
Ranau	0	38	2	0	1	41	591
Nabawan	3	28	2	0	1	34	351
Beaufort	0	22	8	0	2	32	718
Kunak	0	19	8	0	1	28	315
Kudat	0	19	5	0	1	25	352
Sipitang	0	15	8	0	0	23	894
Kalabakan	0	18	4	0	0	22	352
Tambunan	0	7	5	0	0	12	174
Tongod	0	11	0	0	0	11	501
Semporna	0	0	6	0	3	9	130
Beluran	0	5	1	0	1	7	562
Kuala Penyu	0	0	1	0	0	1	95
JUMLAH	51	1,751	778	11	243	2,834	36,364

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Nabawan	Kluster Lima	3
Sandakan	Kluster Lebu Empat	3
Lahad Datu	Kluster Segama Batu 1	3
Kinabatangan	Kluster Pin Supu	32
	Kluster Sungai Pin 3	1
	Kluster Tangkuyan	9
JUMLAH		51

- 6 Terdapat dua (2) **kluster baharu** direkodkan hari ini.
- i **Kluster Lima - Nabawan** adalah kluster komuniti yang dikesan melibatkan aktiviti sosial sempena satu majlis perkahwinan di Kg Lima. Kes indeks merupakan lelaki, 22, yang disahkan positif COVID-19 pada 20 Ogos 2021 selepas mengalami gejala demam, batuk, dan sakit sendi bermula 18 Ogos 2021. Siasatan mendapati kes ini kemungkinan mendapat jangkitan dari komuniti. Pengesanan secara aktif dan saringan terhadap 134 individu terdiri daripada ahli keluarga, kontak rapat dan kontak kasual mendapati 61 lagi kes positif termasuk empat (4) kes baharu hari ini. Manakala, 21 individu masih menunggu keputusan saringan pertama, sementara 53 individu negatif sample pertama. Semua kes positif COVID-19 dalam kluster ini telah dirujuk ke hospital untuk rawatan lanjut dan menjalani pengasingan. Kontak-kontak rapat juga telah diberikan arahan kuarantin untuk pengasingan
 - ii **Kluster Pin Supu - Kinabatangan** merupakan kluster jenis tempat kerja iaitu di ladang kelapa sawit dalam Mukim Sukau, Kinabatangan. Kes indeks adalah pekerja ladang, wanita, 40, warganegara Indonesia disahkan positif COVID-19 (RTK-Ag) di Hospital Kinabatangan pada 22 Ogos 2021. Kes indeks yang mula bersimptom sejak 14 Ogos 2021, telah dirujuk ke Hospital Kinabatangan untuk rawatan selanjutnya. Aktiviti persampelan kontak terhadap 129 individu mendapati seramai 34 kes positif termasuk 32 kes baharu hari ini dalam kalangan kontak sosial, pekerja dan tanggungan. Aktiviti siasatan, persampelan COVID-19 dan disinfeksi masih diteruskan di lapangan.

7 Jumlah kapasiti katil 7,063 unit

- Hospital 1,571 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,820 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 70.73%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 28 OGOS 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	2,802
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	11
Orang Dalam Tahanan /Banduan	21
Jumlah	2,834

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Selangor	8
Negeri Sembilan	1
Terengganu	1
Perak	1
Jumlah	11

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	2,544
Bukan Malaysia	290
Jumlah	2,834

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin	763
Belum Menerima Vaksin	971
Menerima 1 Dos	461
Lengkap 2 Dos	639
Jumlah	2,834

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	37
1 to 5	223
6 to 17	503
18 to 59	1,812
>60	259
Jumlah	2,834

C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 28 Ogos 2021)
1	Tawau	33
2	Kota Kinabalu	13
3	Kota Belud	11
4	Penampang	11
5	Tuaran	7
6	Beluran	6
7	Ranau	5
8	Kinabatangan	5
9	Lahad Datu	5
10	Papar	5
11	Kudat	4
12	Sipitang	4
13	Telupid	2
14	Beaufort	2
15	Keningau	2
16	Kota Marudu	1
17	Sandakan	1
JUMLAH		117

D PELAKSANAAN PKPD BARU

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan **DILAKSANAKAN** di lokaliti-lokaliti seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	Empat (4) lokaliti di Putatan <ul style="list-style-type: none">Taman KetiauPlatinum ApartmentTaman Teluk VillaPPR Taman Sri Serigai	30 Ogos 2021	12 September 2021

E PELANJUTAN PKPD

Berdasarkan analisa oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta *trend* jangkitan COVID-19, beberapa PKPD yang akan dilanjutkan seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Tamat PKPD	Cadangan
1.	Kampung Tuhau, Matunggong Kudat	29 Ogos 2021	Dilanjutkan dari 30 Ogos 2021 sehingga 12 September 2021

F PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	Dua (2) lokaliti di Tawau <ul style="list-style-type: none">Kampung Sungai PukulKampung Muhibbah Raya	16 Ogos 2021	Ditamatkan pada 29 Ogos 2021 seperti yang dijadualkan
2.	Dua (2) lokaliti di Ranau <ul style="list-style-type: none">Kampung Paka KawiyanKampung Matupang	16 Ogos 2021	Ditamatkan pada 29 Ogos 2021 seperti yang dijadualkan
3.	Perumahan Ladang Excellent Challenger 2, Beluran	16 Ogos 2021	Ditamatkan pada 29 Ogos 2021 seperti yang dijadualkan
4.	Pekan Donggongon, Penampang <ul style="list-style-type: none">Blok G,H, K, L, MegalongKawasan Perbandaran Donggongon Fasa 2	16 Ogos 2021	Ditamatkan pada 29 Ogos 2021 seperti yang dijadualkan
5.	Kampung Sembirai, Lebak Engad, Kota Belud	16 Ogos 2021	Ditamatkan pada 29 Ogos 2021 seperti yang dijadualkan

G STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 67,164 orang.

- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 juga, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 58,575 orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **16,576** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 1,493,891 orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2 pula **26,046** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 945,078 orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 9,249 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 1,571,796 (Mysejahtera 1,490,629 : Laman Web 80,820 : Talian Vaksinasi 347) bersamaan 57.0%.

H BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **480,857** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

I LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 179 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 32,884 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 192 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 58 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 19 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
- 13 Orang : Tidak Memakai Pelitup Muka
 - Satu (1) Orang : Tidak Mematuhi Arahan Kawalan Pergerakan
 - Lima (5) Orang : Membawa Penumpang Berlebihan
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 106 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 24 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.

4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan

- i Sebanyak 881 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak satu (1) notis/amaran dikeluarkan iaitu di Kinabatangan. Tiada kompaun dikeluarkan.
- ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 346 premis perniagaan dan 1,057 individu di 18 kawasan. Lima (5) kompaun dikenakan ke atas premis atas kesalahan menyusun atur kerusi / meja luar premis di Restoran Sutera Bayu Grace Square Sembulan (1 Premis), Anne'd Cafe & Catering Grace Square Sembulan (1 Premis), Ikhwan Restoran & Katering Grace Square Sembulan (1 Premis), D'Lengkuas Grace Square Sembulan (1 Premis) dan Restoran Chef Mansor Grace Square Sembulan (1 Premis). Sembilan (9) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu tiada penjarakan sosial di Pantai Tg. Aru (1 Orang). Kesalahan individu gagal membuat imbasan suhu badan di Thien Sang Goldsmith & Watch Dealee, Kg. Air (3 Orang), A & Sweet Fruits, Kg. Air (1 Orang), Restoran Nasi Katok Doha, Kg. Air (1 Orang) dan Kedai Rokok Elektronik, Kg. Air (3 Orang).

5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 296 Premis Perniagaan melibatkan 166 anggota APM. Sebanyak 20 Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan yang tidak mengikut SOP.

6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 157 anggota di 192 lokasi.

7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 14 premis, melibatkan 10 buah BBP pada hari ini.

8 Sejumlah 244 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 13 daerah pada hari ini.

9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 85 hebahan di seluruh Sabah.

J KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **95.6%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Tuaran	97%
2	Semporna	96%
3	Kunak	96%
4	Beaufort	96%
5	Beluran	96%
6	Sipitang	96%
7	Kota Marudu	96%
8	Keningau	96%
9	Kota Belud	95.5%
10	Sandakan	95.5%
11	Tenom	95.5%
12	Kota Kinabalu	95%
13	Kudat	95%
14	Lahad Datu	95%
15	Ranau	95%
16	Papar	95%
17	Kinabatangan	95%
18	Tawau	94.5%
19	Penampang	94%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**